



## MAJLIS DAERAH MARANG

# IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat Negeri Terengganu Darul Iman yang berkelayakan dan memenuhi syarat serta berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut: -

BIL.	JAWATAN	KLASIFIKASI / KUMPULAN PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI
1.	<b>Penolong Pegawai Penilaian Gred W29 (Tetap)</b>  (1 kekosongan)	Perkhidmatan Kewangan / Kumpulan Pelaksana	W29 RM 1,498.00 - RM 5,678.00
2.	<b>Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 (Tetap)</b>  (2 kekosongan)	Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan / Kumpulan Pelaksana	U29 RM 1,797.00 – RM 5,753.00
3.	<b>Pembantu Kesihatan Awam Gred U19 (Tetap)</b>  (1 kekosongan)	Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan / Kumpulan Pelaksana	U19 RM 1,360.00 – RM 4,052.00

Jadual Gaji di atas adalah tidak termasuk Imbuhan Tetap Khidmat Awam / Imbuhan Tetap Perumahan / lain-lain Elaun.



MAJLIS DAERAH MARANG

## MAJLIS DAERAH MARANG

**Jawatan : PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN W29**

**Kumpulan Perkhidmatan : PELAKSANA**

**Klasifikasi Perkhidmatan : KEWANGAN**

**SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,510.92); **atau**

- (ii) Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,510.92); **atau**

- (iii) diploma dalam bidang pengurusan harta tanah atau pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,851.28); **dan**

- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai kelayakan dan pengalaman dalam bidang berkaitan)**



## MAJLIS DAERAH MARANG

**Jawatan** : **PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN U29**  
**Kumpulan Perkhidmatan** : **PELAKSANA**  
**Klasifikasi Perkhidmatan** : **PERUBATAN DAN KESIHATAN**

**SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) diploma dalam bidang kesihatan persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: RM1,797.00); **dan**

- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai kelayakan dan pengalaman dalam bidang berkaitan)**



## **MAJLIS DAERAH MARANG**

**Jawatan** : **PEMBANTU KESIHATAN AWAM U19**  
**Kumpulan Perkhidmatan** : **PELAKSANA**  
**Klasifikasi Perkhidmatan** : **PERUBATAN DAN KESIHATAN**

**SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U19: RM1,360.00); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U19: RM1,418.12); **dan**

- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai kelayakan dan pengalaman dalam bidang berkaitan)**

## **CARA MEMOHON**

- i) Permohonan hendaklah dibuat secara online melalui laman web Majlis Daerah Marang <http://www.mdmarang.gov.my> / (<http://ekerja.mdmarangonline.gov.my>)
- ii) Tarikh Tutup Permohonan : **22 SEPTEMBER 2020 (JAM 12.00 TENGAHARI)**

## **CATATAN**


1. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak.
2. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
3. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya.

**BERTARIKH: 23 OGOS 2020**


**SISTEM  
PERMOHONAN  
JAWATAN  
KOSONG MAJLIS  
DAERAH MARANG  
(E-KERJA)**

**MANUAL PENGGUNA**

1.Sila masuk pada pautan <https://ekerja.mdmarangonline.gov.my>



2.Pengguna perlu membawa cursor pada pautan “KLIK DISINI”



3.Pengguna perlu mengisi kesemua paparan tersebut sehingga selesai, terakhir sila tandakan / pada pengakuan calon dan klik pada buton “Hantar Permohon” dan selesai.